

AKHBAR : BERNAMA  
TARIKH : 25 MEI 2023  
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE  
HARI : KHAMIS

Español தமிழ்

**BERNAMA.com**

## HAWANA 2023: BERNAMA TERIMA TAJAAN RM5,000 DARIPADA PTPTN



Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Roslan Ariffin (tiga, kiri) ketika sesi bergambar selepas majlis penyerahan sumbangan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sempena sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2023 di bangunan PTPTN.

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) menerima tajaan tunai bernilai RM5,000 daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini sempena penganjuran Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2023 pada 27 hingga 29 Mei ini di Ipoh, Perak.

Replika cek sumbangan itu disampaikan Ketua Eksekutif PTPTN Ahmad Dasuki Abdul Majid kepada Ketua Pegawai Eksekutif Bernama Roslan Ariffin di Menara PTPTN, di sini hari ini.

Mengulas mengenai tajaan itu, Ahmad Dasuki berkata agensi itu sentiasa menyokong usaha dan peranan yang dimainkan media di negara ini selain turut berterima kasih atas sokongan yang diberikan kepada PTPTN.

"Agenda penabungan PTPTN dan Simpan SSPN (Skim Simpanan Pendidikan Nasional) banyak diterjemahkan kepada rakyat menerusi media yang banyak membantu dalam mengekalkan imej positif PTPTN.

"Jadi, sudah tentu kami berbangga dan berbesar hati untuk bersama-sama dengan media meraikan HAWANA," katanya.

Sementara itu, Roslan menzahirkan penghargaan buat PTPTN kerana sudi menjadi sebahagian daripada penaja bagi HAWANA 2023.

"Kali ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan bersama dengan lebih 1,000 pengamal media pada majlis kemuncak HAWANA 2023 dan mengharapkan kerajaan akan terus membantu media," katanya.

Beliau yang menyifatkan kehadiran Perdana Menteri akan menjadi penggalak bagi menjayakan edisi seterusnya turut berharap agar HAWANA akan terus mendapat sokongan daripada semua pihak termasuk sektor korporat, kerajaan dan kerajaan negeri.

"Kami belum putuskan lagi tempat penganjuran HAWANA tahun depan tapi mengharapkan akan ada jemputan cadangan daripada mana-mana kerajaan negeri untuk menjayakannya yang penganjuran HAWANA juga bertujuan untuk mempromosikan kerajaan negeri dalam apa-apa sektor termasuk pelancongan," katanya.

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2192417>